

Headline	Kementerian Kewangan lulus FRIM Inc		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,714



## Kementerian Kewangan lulus FRIM Inc.

**K**EMENTERIAN Kewangan telah meluluskan penubuhan FRIM Inc. bagi memaju dan membangunkan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, **Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar**. Beliau berkata, dengan



kelulusan yang diperoleh pada 4 Ogos lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat menjana pendapatan sendiri menerusi pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan yang dijelangkannya. "Ini secara tidak langsung mengurangkan

kebergantungan kepada dana kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Raya Korban Perdana menteri itu di Masjid Jamek FRIM baru-baru ini.



**WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**

Pada 7 April tahun lepas, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang FRIM 2016 yang antara lain membenarkan institut tersebut menubuh atau memajukan syarikat untuk memperkukuhnya menjadi satu badan pihak berkuasa bagi mengkomersial dan mengurus program atau projek berkaitan bidang penyelidikan hutan.

Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd Latif Mahmud** berkata, kira-kira 150 produk berpotensi akan dikomersialkan pada

peringkat awal. Beliau berkata, sebanyak 15 produk terbaik disasarkan berada di pasaran tahun depan dengan jangkaan pendapatan antara RM150 juta dan RM200 juta selepas tiga tahun di pasaran.

"Kita tubuhkan pasukan khas bagi membantu memastikan produk-produk ini berjaya dipasarkan dan menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, antara produk berpotensi ialah perabot daripada hasil hutan, terutama yang diusahakan pengusaha bumiputera.

Kata beliau lagi, kelulusan penubuhan FRIM Inc.

merupakan satu lonjakan ke arah memartabatkan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) hasil hutan yang dilaksanakan di agensi tersebut sebelum ini.

Beliau berkata, kelulusan tersebut juga diterima sebagai satu cabaran baharu bagi FRIM dan dalam masa sama, membuktikan bahawa usaha agensi tersebut selama ini



**DR. ABD. LATIF MAHMUD**

diktiraf dan dihargai dalam usaha memacu pencetus kekayaan negara. "Suka atau tidak, kita perlu bergerak segera dalam memastikan aktiviti R&D



mampu menjadi teras kepada kemajuan negara dalam erti kata sebenar. Hasil R&D yang boleh diaplikasi dalam perspektif mengimbangi kemajuan tanpa mengorbankan kemampanan sumber asli dan alam sekitar yang kita miliki," ujarnya.



ANTARA produk hasil hutan yang berpotensi dikomersialkan.